

Dua tapak pelupusan sampah baru akan dibina

S HAH ALAM: Selangor mahu membina dua tapak pelupusan sampah baru di utara dan selatan negeri apabila pusat pelupusan sampah Ayer Hitam, di Puchong ditutup.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo, berkata sebuah kilang bahan api terbitan (RDF) terletak antara kedua-dua pusat berkenaan juga akan dibina.

Sambil mengaku masalah tapak pelupusan sampah pada tahap kritikal, beliau berkata, pusat pelupusan sampah Ayer Hitam berupaya menerima sampah dalam tempoh dua atau tiga bulan saja lagi.

"Kita akan menutup tapak di Ayer Hitam tetapi ditangguhkan hingga pusat pelupusan baru dibina. Pusat pelupusan sampah terbuka Kundang, Rawang dan Sungai Kembong, Semenyih perlu ditutup segera bagi mengelakkan pencemaran sungai," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar bersama Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid selepas perbincangan mengenai isu berkaitan alam sekitar, di pejabat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor, di sini, semalam.

Azmi berbincang dengan Dr Mohamad Khir dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Selangor selama dua jam termasuk masalah pencemaran sungai dan tapak pelupusan sampah.

Dr Mohamad Khir berkata, tiga atau empat lokasi sudah dikenal pasti untuk tapak pelupusan sampah baru tetapi enggan mendedahkannya.

Beliau berkata, beberapa cadangan membina pusat pelupusan sampah di Selangor dibatalkan berikutan bantahan orang ramai dan kelewatan membina pusat itu menjadi punca kerajaan negeri berdepan krisis pelupusan sampah.

Bagaimanapun, katanya, cadangan itu akan dikemukakan dalam mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pengurusan Sisa Pepejal yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada 28 April ini untuk kelulusan.

"Proses membina tapak pelupusan sampah baru dijangka mengambil masa dua hingga tiga bulan. Anak syarikat kerajaan negeri, Worldwide Holding Berhad akan membinanya," katanya.

Sementara itu, Azmi yang menyifatkan Dr Mohamad Khir sebagai prihatin terhadap isu alam sekitar, berkata rancangan pembinaan pusat pelupusan sampah itu tidak harus ditangguh.

“ Tiga atau empat lokasi sudah dikenal pasti untuk tapak pelupusan sampah baru **”**

Dr Mohamad Khir Toyo

Menteri Besar Selangor